

1,400 sertai larian atasi obesiti

Seremban: Seramai 1,400 peserta dari negeri ini dan luar termasuk Sabah, Sarawak dan Singapura memeriahkan program amal Cabaran Matrix Titan 2016 (MTC 2016) di Bandar Sri Sendayan, di sini, kelmarin.

Program anjuran syarikat pemaju Matrix Concept Holdings Berhad (Matrix Concept) itu bertujuan mengumpul dana bagi membantu tiga rumah kebajikan di Seremban dan Kluang, Johor.

Selain itu, program berkenaan juga untuk menggalakkan aktiviti kecergasan ke arah masyarakat sihat dan mengurangkan gejala penyakit berpunca daripada obesiti.

Pengerusi Matrix Concept Datuk Mohamad Haslah Mohd Amin berkata, MTC yang julung kali diadakan adalah antara aktiviti amal dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya.

Menurutnya, program terbabit diadakan bagi membantu meringankan beban tiga rumah kebajikan terpilih iaitu Persatuan Penyakit Lysosomal Malaysia (MLDA), Rumah Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak Dera Seremban dan Pertubuhan Down Sindrom Kiwanis Kluang, Johor.

“Kami tidak menyangka menerima sambutan menggalakkan daripada peserta luar negeri dan merancang untuk menjadikan aktiviti ini sebagai program tahunan,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang, di sini.

Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS) Datuk Abd Halim Abd Latif dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Matrix Concept Datuk Lee Tian Hock.

FOTO: MOHD AMIN JALIL



MOHAMAD Haslah mengetuai majlis pelepasan peserta MTC 2016.